

D468

B B854 AAB
MAHATHIR - LEE R R R

KUALA LUMPUR, 5 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI BERKATA TERPULANGLAH KEPADA ENCIK LEE KIM SAI DAN ENCIK LEE LAM THYE SAMA ADA MEREKA MAHU MENERUSKAN RANCANGAN MEREKA UNTUK BERTANDING DALAM PILIHAN RAYA KECIL.

+TERPULANGLAH KEPADA MEREKA YANG TERLIBAT,+ KATA BELIAU APABILA DITANYA OLEH PEMBERITA MENGENAI PERBALAHAN CABAR-MENCABAR ANTARA KEDUA-DUA LEE ITU SELEPAS MENUNAIKAN SEMBAHYANG JUMAAT DI MASJID SALIHAN DI PUSAT LATIHAN POLIS DI SINI.

BELIAU TIDAK MENGULAS LANJUT MENGENAI PERKARA ITU, TETAPI SEKADAR BERKATA: +TERPULANGLAH KEPADA PARTI UNTUK MENENTUKAN.+

TIMBALAN SETIAUSAHA AGUNG DAP, ENCIK LEE LAM THYE, TELAH MENCABAR MENTERI BURUH, ENCIK LEE KIM SAI, YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN MCA DAN ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN HULU LANGAT, UNTUK BERTANDING DALAM PILIHAN RAYA KECIL.

CABARAN ITU TELAH DISAHUT OLEH ENCIK LEE KIM SAI DAN KAWASAN SEPUTEH DIPILIH UNTUK DIADAKAN PILIHAN RAYA KECIL ITU DAN 19 MEI DITETAPKAN UNTUK KEDUA-DUA MEREKA DAN ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN SEPUTEH, ENCIK LIEW AH KIM, DARIPADA DAP MELETAKKAN JAWATAN BAGI MEMSOLEHKAN PILIHAN RAYA KECIL ITU DIADAKAN. -- LAGI
1623MST 05 05 89

D469

B B855 AAB
MAHATHIR - LEE 2 KUALA LUMPUR R R R

ENCIK LEE LAM THYE, KINI ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN BUKIT BINTANG, BAGAIMANAPUN, TELAH MENGUBAH TARIKH BAGINYA DAN ENCIK LIEW MENGOSONGKAN KERUSI MEREKA KEPADA 11 MEI MEMANDANGKAN 19 MEI HARI CUTI UMUM.

ENCIK LEE KIM SAI DILAPORKAN HARI INI SEBAGAI BERKATA BELIAU MENYAHUT CABARAN ENCIK LEE LAM THYE SUPAYA BERADA DI BANGUNAN PARLIMEN PADA 19 MEI UNTUK SAMA-SAMA MELETAKKAN JAWATAN DI HADAPAN SPEAKER.

+SAYA TETAP DENGAN PENDIRIAN ITU. SAYA TIDAK AKAN TUNDUK KEPADA APA SAHAJA KEMAHUANNYA,+ KATA ENCIK LEE.

JIKA KEDUA-DUA LEE ITU MENERUSKAN RANCANGAN MEREKA, IA BERMAKNA TIGA PILIHAN RAYA KECIL TERPAKSA DIADAKAN IAITU DI SEPUTEH, BUKIT BINTANG DAN HULU LANGAT.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR BABA, SEMALAM MENGGESA KEDUA-DUA MCA DAN DAP SUPAYA Mencari JALAN MENGELAK TIGA PILIHAN RAYA KECIL DIADAKAN KERANA IA AKAN HANYA MEMBAZIRKAN WANG RAKYAT .
-- BERNAMA

1625MST 05 05 a 9